

Perjuangan BN perlu selari

Oleh Lichong Angkui dan Ghazali Musa

30 MAY 1993

KUALA LUMPUR: Ahli parti komponen Barisan Nasional (BN) diingatkan sentiasa peka setiap perkembangan di luar parti mereka bagi memastikan perjuangan selari dengan matlamat pucuk pimpinan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, parti komponen juga tidak boleh berpendirian sempit sehingga menjejaskan kewibawaan BN.

"Perjuangan ahli parti gabungan BN perlu selari dengan arah matlamat BN bagi mewujudkan kestabilan dan keamanan. Sekiranya mereka tidak mengikuti perkembangan di luar parti, dan mengambil kira juga kepentingan parti komponen lain, saya khuatir mereka akan mula berpendirian sempit dan menjejaskan

kewibawaan BN," katanya.

Dalam hal ini, katanya, setiap ahli parti hendaklah memastikan mereka mempunyai pemimpin berfikiran luas dan terbuka, berwawasan serta dapat memahami halangan dalam negara pelbagai kaum.

Beliau menegaskan negara tidak mahu adanya pemimpin yang hanya mengutamakan populariti dirinya dalam parti saja.

"Pemimpin tidak harus menurut kehendak pengikut semata-mata, tetapi hendaklah memimpin dan memberi tunjuk ajar kepada pengikut," katanya ketika merasmikan perhimpunan agung tahunan Gerakan kali ke-22 di sini semalam.

Pada pemilihan kali ini, Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik

dan timbalannya, Kerk Choo Ting serta lima pemimpin kanan lain mengekalkan jawatan masing-masing tanpa bertanding.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, sejak 1990 dua parti komponen dari Sabah iaitu Parti Bersatu Sabah (PBS) dan Usno berpaling tadah semata-mata kerana pemimpin mereka mahu sesuatu bagi diri sendiri.

Katanya, perbuatan dua parti itu 'menikam kita dari belakang membawa beberapa petunjuk atau pengajaran.

"Parti-parti yang keluar daripada BN jelas menunjukkan mereka tidak mempunyai pendirian. Mereka tidak berpegang kepada konsep BN dan matlamat serta perjuangannya untuk negara.

"Mereka hanya meng-

utamakan apa yang pemimpin mereka boleh dapat daripada BN tanpa mengambil berat akan sumbangan mereka kepada BN dan negara," katanya.

Menurutnya, kehadiran parti berkenaan hanya melemahkan BN dan menyebabkan parti komponen terpaksa memandang ke belakang ketika menghadapi musuh. BN tidak boleh pasti bila akan disering dari belakang oleh mereka.

Dr Mahathir berkata, konsep BN sudah diakui di luar negara sebagai satu konsep kerjasama antara kaum yang baik, malah ahli akademik dan negara demokratik Barat kagum terhadap kejayaan BN mewujudkan pembangunan pesat, keamanan dan kestabilan politik.